

## Cabaran Yang Dihadapi Pihak Pengurusan Tadika Swasta Dalam Melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (Challenges Faced by Private Kindergarten Management in Implementing Inclusive Education Programs)

Fazilat Nurul Sawal Hamid & Hasnah Toran

### ABSTRAK

*Pendidikan inklusif merupakan langkah bagi membantu kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas (MBPK) mendapat pendidikan bersama-sama kanak-kanak tipikal dalam persekitaran yang sebenar. Peningkatan MBPK di Malaysia membuka ruang kepada pihak tadika swasta menawarkan program pendidikan inklusif di institusi mereka. Namun, didapati amalan pendidikan inklusif di tadika swasta tidak mendapat sambutan dan ini boleh memberi mudarat kepada MBPK kerana kurang pengetahuan dalam mengendali MBPK. Kajian ini mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan dalam mengamalkan pendidikan inklusif. Kajian berbentuk kajian kes melibatkan tiga (3) institusi swasta dan empat (4) orang barisan pengurusan. Temubual dan rakaman suara dan gambar telah direkod. Terdapat tiga cabaran utama yang dihadapi: pengetahuan dan kelayakan guru, kewangan dan prasarana dan kolaborasi dengan ibubapa. Pihak berwajib perlu menyebarkan dan memberi lebih pendedahan mengenai cara mengendali MBPK agar dapat mengamalkan pendidikan inklusif dengan lebih berkesan.*

**Kata kunci:** *kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas (MBPK); tadika swasta; pihak pengurusan*

### ABSTRACT

Inclusive education is a measure to help children with special educational needs (SEN) get education together with typical children in a real environment. The increase in SEN in Malaysia has opened the door for private kindergartens to offer inclusive education programmes in their institutions. However, it was found that the practice of inclusive education in private kindergartens faced a lack of response and this may cause harm to SEN. This study examines the challenges faced by the management of private kindergartens in practicing inclusive education. The study was in the form of a case study involving three (3) private institutions and four (4) administrators. Interviews, voice and photo recordings were recorded. There are three main challenges faced: teacher knowledge and qualifications, finance and infrastructure and collaboration with parents. The authorities need to disseminate and give more exposure on how to manage SEN so the private sectors able to practice inclusive education more effectively.

**Key Words:** *children with special educational needs (SEN); private kindergarten; management*

## PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat komited dalam usaha ingin menambah bilangan MBPK dalam program pendidikan inklusif namun, masih banyak sekolah yang kurang bersedia untuk melaksanakan program tersebut (Norliah & Hanafi, 2016). Turut dilaporkan oleh Dian (2017) implementasi program pendidikan inklusif di sekolah tidak mencapai tahap maksimum seperti mana yang telah diwartakan oleh KPM. Laporan daripada Bahagian Pendidikan Khas, KPM (2020) mendedahkan bahawa program pendidikan inklusif yang sedia ada dilaksanakan dengan pelbagai cara pengurusan dan pelaksanaan, bergantung kepada sekolah tanpa satu cara yang seragam untuk semua program pendidikan inklusif. Terdapat segelintir pengurusan tidak bersedia untuk melaksanakan program inklusif disebabkan mereka tidak memahami pelaksanaan program tersebut. Selain itu, mereka berpendapat bahawa program inklusif ini akan menyukarkan urusan pengurusan bilik darjah sekaligus menjelaskan prestasi sekolah (Madinah Mohd Yusof & Mahidin Awang Itam, 2020). Kekurangan persediaan pengurusan memberi impak negatif terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Madinah Mohd Yusof & Mahidin Awang Itam, 2020).

Selain itu, kekurangan kajian dan pelaksanaan program tadika inklusif di Malaysia merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi oleh pengurusan terutamanya pengurusan institusi swasta (Puaad, Yunus dan Majid, 2018). Ini kerana kajian lepas hanya memberi perhatian kepada aspek peranan guru. (Hasifah & Muhammad, 2022). Kajian ini dijalankan bagi menyelami cabaran yang dihadapi oleh pengurusan tadika swasta. Berikut merupakan objektif kajian iaitu mengenalpasti cabaran yang dihadapi pengurusan tadika dalam pelaksanaan pendidikan inklusif.

## SOROTAN LITERATUR

### CABARAN-CABARAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF

Menurut Rasaq & Jelena (2022), sehingga kini negara membangun masih mengalami beberapa cabaran dalam melaksanakan pendidikan inklusif. Cabaran pendidikan inklusif merangkumi pelbagai aspek seperti komitmen penyeliaan, guru, kewangan, persekitaran dan prasarana serta kolaborasi antara pelbagai pihak (Wilma A. Mc. Clean, 2007). Menurut Nurul & Hazhari (2020), indikator

keberkesanan pengurusan dapat dilihat melalui keberkesanan merancang, mengorganisasi, mengawal serta memimpin pelbagai aspek yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan program pendidikan inklusif.

## GURU

Antara kekangan utama dalam melaksanakan program pendidikan inklusif ialah kekurangan guru yang berpengetahuan dalam bidang pendidikan khas (Wilma A. Mc. Clean, 2007; Noor, 2014; Fathmath et al, 2017; Siti, Norasmahani & Johari, 2019; Nurul & Hazhari, 2020; Rasaq & Jelena, 2022) dan kemahiran guru dalam mengurus MBPK berada di tahap yang rendah (Lee & Suziyani, 2021; Madinah Mohd Yusof, Mahidin Awang Itam, 2020). Selain itu, guru-guru sukar untuk memahami keperluan MBPK, tidak mahir mengurus MBPK (Saiful Azam Khoo Abdullah, 2020; Lee & Suziyani, 2021). Selain itu, tiada latihan yang mencukupi bagi melatih guru tentang cara mengurus MBPK dengan terperinci (Rasaq & Jelena, 2022; Siti, Norasmahani & Johari, 2019; Fathmath et al 2017; Dian, 2017), dan ini bertambah buruk apabila guru tidak dapat mengurus peningkatan bilangan MBPK dalam kelas (Rasaq & Jelena, 2022). Kurang pengetahuan juga menyebabkan guru tidak bijak menyediakan bahan mengajar dan ini menyebabkan kualiti pengajaran terjejas sekaligus melambatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Esther & John, 2014). Perkara ini seterusnya menyebabkan guru menjadi kecewa dan bersikap negatif terhadap MBPK serta menyebabkan kegagalan program pendidikan inklusif yang dirancang (Siti, Norasmahani & Johari, 2019).

Oleh itu, sikap guru memainkan peranan penting dan perkara ini sering menjadi suatu kerisauan pihak pengurusan (Shui-fong Lam et al, 2021). Ini kerana, penerimaan MBPK serta kebolehan guru dalam menyediakan sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan penentu keberkesanan program inklusif yang dijalankan (Nurul & Hazhari, 2020). Persepsi negatif guru terhadap MBPK menyukarkan lagi pihak pengurusan dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar (Rasaq & Jelena, 2022; Saiful Azam Khoo Abdullah, 2020). Guru beranggapan kehadiran MBPK membebankan kerana guru perlu menggandakan usaha bagi memastikan MBPK mencapai target sekolah (Siti, Norasmahani & Johari, 2019). Selain itu, layanan yang tidak adil (Rasaq & Jelena, 2022) terhadap MBPK serta kurang mencerahkan kasih sayang, perhatian dan bimbingan kepada MBPK antara sikap guru yang menyumbangkan kepada kegagalan program pendidikan inklusif (Chibwe & Mulenga, 2021; Dian, 2017; Noor, 2014).

## KEWANGAN

Antara cabaran lain yang perlu dihadapi adalah dari segi pembentukan program pendidikan inklusif (Chibwe & Mulenga, 2021). Masalah kewangan ini turut dilaporkan oleh Norliah & Hanafi (2016) dan Rasaq & Jelena (2022), kedua-dua pengkaji ini menyatakan bahawa bagi menjalankan pendidikan inklusif, aspek kewangan perlu kukuh bagi menyediakan prasarana serta persekitaran yang kondusif dan memastikan ianya memenuhi keperluan MBPK. Perkara ini turut disokong oleh Dian (2017) yang menyatakan bahawa dana yang diperlukan bukanlah sedikit sedangkan dana yang telah diperuntukan oleh pihak kerajaan tetap tidak dapat menampung keperluan MBPK. Ketidakupayaan ibu bapa membayar yuran pendidikan turut menjelaskan tahap kewangan tadika sekaligus menyebabkan kekurangan dana dalam melaksanakan pendidikan inklusif (Chibwe & Mulenga, 2021).

## PERSEKITARAN DAN PRASARANA

Persekitaran memainkan peranan penting dalam memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar, ianya mepengaruhi kesihatan fizikal, emosi dan motivasi guru dan murid (Shera Jouflin & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2022). Tahap pengurusan bilik darjah dan prasarana yang disediakan di dalam bilik darjah tidak memenuhi keperluan MBPK (Nur Rohazirah Roslan & Mohd Mokhtar Tahar, 2022). Kebanyakan kelas inklusif berada dalam keadaan sempit dan mempunyai bilangan pelajar yang ramai (Wilman A. Mc. Clean, 2007; Chibwe & Mulenga, 2021), kekurangan bahan kemudahan fizikal serta kedudukan ruang yang digunakan tidak memenuhi keperluan MBPK (Mohd Razimi Husen et al, 2020; Chibwe & Mulenga, 2021). Selain itu, infrastruktur sokongan bagi membantu MBPK yang menggunakan kerusi roda dan tongkat sebagai contoh juga dilaporkan berada pada tahap yang rendah (Dian, 2017; Chibwe & Mulenga, 2021; Rasaq & Jelena, 2022). Tambahan pula, kekurangan sumber bantu mengajar serta kekurangan kemudahan pembelajaran (Rasaq & Jelena, 2022) dan tiada penggunaan teknologi yang sesuai (Wilma A. Mc. Clean, 2007) merupakan penyumbang kepada kegagalan pelaksanaan program.

## KOLABORASI PELBAGAI PIHAK

Menurut Rasaq dan Jelena (2022), kurangnya perpaduan dan kolaborasi antara sekolah dan ibu bapa terutamanya menyebabkan kegagalan program pendidikan inklusif.

## IBUBAPA DAN PENJAGA

Selain guru-guru, pihak pengurusan turut menghadapi cabaran dalam berurusan dengan pihak keluarga MBPK terutamanya ibu bapa. Dilaporkan bahawa ada segelintir ibubapa yang tidak memberi sokongan, bantuan serta sering lepas tangan (Zaharah Badri, 2013). Mereka juga tidak memberi kerjasama seperti meneruskan intervensi di rumah tambahan lagi, mereka tidak berminat untuk mengetahui perkembangan anak dan memilih untuk berputus asa terhadap anak mereka (Nurul Ain Badrul Hisam & Khairul Farhah Khairuddin, 2022) serta merasa malu untuk menghantar anak-anak ke sekolah dan mereka bimbang jika anak-anak mereka diejek dan direndah-rendahkan (Dian, 2017).

Segelintir ibubapa meletakan harapan yang terlalu tinggi tetapi tidak membantu untuk mencapai dan hanya mengharapkan pihak sekolah untuk mengurus anak-anak mereka serta mereka tiada inisiatif untuk mengambil berat tentang anak-anak mereka (Esther & John, 2014), malah ada segelintir turut membantah secara keras terhadap perubahan sistem pendidikan yang dirancang oleh pihak sekolah (Rasaq & Jelena, 2022). Manakala segelintir lagi tidak yakin dengan kemampuan guru serta program sekolah selain mereka turut tidak mempunyai pengetahuan berkenaan program inklusif (Rasaq & Jelena, 2022; Wong Jit Hoe & Wong Siew Fang, 2017; Norliah & Hanafi, 2016).

## MURID TIPIKAL DAN MASYARAKAT SEKELILING

Sikap murid tipikal memainkan peranan penting dalam melaksanakan program pendidikan inklusif, ianya merupakan pendorong kepada kewujudan persekitaran yang positif (Nur Adillah Md Abdul Hamid, 2020). Sikap murid tipikal yang bertindak melabel MBPK sebagai individu yang asing serta tidak mahu berkawan dengan mereka menyebabkan MBPK rasa dipinggirkan dan tidak mempunyai semangat untuk menuntut ilmu (Saiful Azam Khoo Abdullah, 2020). Selain itu, sikap murid tipikal yang tidak menghulurkan bantuan, enggan mengulangkaji pelajaran bersama-sama, tidak memberi kerjasama dalam menyiapkan tugas serta membuli MBPK merupakan antara isu yang timbul dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (Nawwar Abdul Mumen & Khairul Farhah Khairuddin, 2022).

Sikap negatif masyarakat sekeliling terhadap MBPK menjadi penghalang utama pendidikan inklusif, termasuklah segelintir ibubapa murid tipikal mengutarkan kebimbangan apabila anak mereka berada dalam satu kelas bersama MBPK (Noor Aini Ahmad, 2014; Esther & John, 2014; Dian, 2017; Rasaq & Jelena, 2022).

## METODOLOGI

### REKA BENTUK KAJIAN

Kaedah kualitatif dipilih kerana ianya bersesuaian dengan objektif yang hendak dicapai. Selain itu, kajian ini mengkaji sesuatu yang baru dan data sedia ada tidak mencukupi untuk menjalankan kajian secara ringkas. Strategi kajian adalah secara kajian kes. Bentuk kajian kes dipilih kerana pengkaji mendapatkan bilangan peserta serta institusi yang menepati ciri-ciri kajian ini amat terhad.

### PESERTA KAJIAN

Peserta yang terpilih terdiri daripada pihak pengurusan tadika swasta yang terletak di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Pengkaji telah memilih empat peserta dari tiga institusi swasta yang menawarkan pendidikan inklusif. Ciri-ciri peserta yang dicari adalah merupakan salah seorang yang berjawatan tinggi dalam barisan pengurusan tadika swasta yang menawarkan pendidikan inklusif. Selain itu, peserta haruslah mempunyai tempoh pengalaman dalam bidang pengurusan tidak kurang dari satu tahun. Tiada had umur yang ditetapkan kerana pengkaji mendapatkan pengalaman yang lebih lama dapat membantu memberi maklumat berkenaan objektif pengkaji dengan lebih mendalam.

### KAEDAH KAJIAN

Pengkaji menggunakan dua kaedah pengumpulan data digunakan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang proses yang berlaku dalam kajian. Dua teknik utama adalah:

### TEMU BUAL

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bagi mengumpul data. Temu bual separa berstruktur dipilih kerana ianya merupakan kaedah temu bual yang terbaik kerana pengkaji boleh muncelah dan menambah soalan mengikut kesesuaian topik. Perkara ini dapat membantu pengkaji untuk mengumpul data semaksimum yang mungkin.

### PROTOKOL TEMU BUAL

Pengkaji mengadaptasi protocol temu bual dari kajian lepas yang telah dikaji oleh Soo Bee Fong (2011) dan diubah untuk menepati objektif kajian. Protokol temu bual terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merangkumi soalan berkaitan dengan butiran peserta termasuk nama, umur, kelayakan akademik dan tempoh pengalaman terlibat dalam pengurusan. Seterusnya, bahagian B pula merangkumi soalan yang berkait dengan objektif kajian.

---

#### Soalan

---

#### Jawapan

#### Bahagian A

Bolehkah Puan menceritakan sedikit sebanyak berkenaan latar belakang Puan dari aspek:

Umur

Pengalaman mengajar

Tahap pendidikan

Tempoh memegang jawatan sebagai barisan pengurusan

Boleh Puan ceritakan serba sedikit berkenaan program yang ditawarkan di tadika Puan?

Mengapa Puan memilih pendidikan inklusif sebagai salah satu program di tadika Puan?

---

#### Bahagian B

Menurut pandangan Puan, apakah pendidikan inklusif boleh dibudayakan di peringkat tadika? Jika ya, mengapa dan bagaimana ianya dilaksanakan?

Apakah perkara yang mendorong Puan untuk menawarkan program pendidikan inklusif di tadika Puan?

Adakah Puan berpuas hati dengan program pendidikan inklusif yang dijalankan di institusi Puan? Jika tidak, mengapa? Jika ya, mengapa?

Adakah guru-guru Puan mempunyai ikhtisas dalam pendidikan khas? Jika tidak, mengapa?

Bagaimanakah persediaan guru dalam mengendali kelas inklusif?

Bagaimanakah tahap kerjasama staff Puan dalam pelaksanaan pendidikan inklusif?

Adakah amalan kolaborasi yang dipraktikkan dalam usaha melaksanakan pendidikan inklusif? Jika ya, dengan siapakah kolaborasi dijalankan? Dan adakah kolaborasi tersebut membantu program pendidikan inklusif?

Bagaimana penerimaan murid tipikal dan ibu bapa mereka terhadap program ini?

Bagaimakah tahap kestabilan kewangan institusi pendidikan Puan? Apakah yang menjadi cabaran utama dalam menstabilkan kewangan institusi Puan?

Bagaimakah Puan memastikan keperluan MBPK dipenuhi?

Apakah cabaran yang paling utama dalam usaha Puan untuk menjayakan pendidikan inklusif di institusi Puan?

### ANALISIS DOKUMEN

Dalam kajian ini, antara dokumen yang dianalisis adalah dokumen kewangan institusi, laporan perkembangan pelajar, rancangan pembelajaran harian guru dan laporan penyeliaan sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan dalam tempoh 6 bulan yang lepas.

#### Senarai semak Dokumen

Laporan kewangan institusi

Laporan perkembangan pelajar

Rancangan pembelajaran dan pengajaran

Senarai prasarana dan kemudahan yang disediakan

### ANALISIS DATA

Pengkaji telah membina transkripsi berdasarkan rakaman temu bual yang telah direkod. Transkripsi tersebut dibuat menggunakan perisian Microsoft word secara manual. Sebelum penetapan kod dibuat, pengkaji membaca transkripsi berulang kali bagi memahami pernyataan yang telah dibuat sepanjang temu bual. Kemudian, pengkaji mengelaskan data mengikut tema dan beberapa skrip dipilih untuk direkod di dalam laporan kajian ini. Dokumen serta jurnal refleksi turut dititikberatkan di dalam kajian ini.

*adalah melatih guru disebabkan kebanyakan guru tidak berpengetahuan dalam pendidikan inklusif”*

*“.....sepatutnya guru mempunyai ikhtisas sebab guru yang mempunyai ikhtisas khas ini dia lebih faham dan kebanyakan aktiviti tu dia boleh lakukan sendiri tanpa perlu bimbingan dari pihak pengurusan.”*

*“....some of the teachers could not control emotion due to their lack of knowledge.”*

Ini menjelaskan bahawa pihak pengurusan tadika sedar akan kekurangan pengetahuan guru dan kelemahan dari segi pengurusan sendiri dalam memastikan guru yang mengajar mampu untuk mengendali program pendidikan inklusif di institusi mereka.

Pengurusan guru merupakan salah satu tanggungjawab utama pihak pengurusan. Hasil kajian mendapati bahawa pengetahuan guru kurang memuaskan. Pihak pengurusan melihat pengetahuan guru sebagai satu masalah yang perlu dihadapi dalam menjayakan pendidikan inklusif. Pihak pengurusan juga sedar akan kepentingan pengetahuan guru dan kemahiran guru dalam menjayakan program pendidikan inklusif. Ianya selaras dengan kajian lepas, yang melaporkan bahawa kekurangan guru berkemahiran dan berpengetahuan dalam pendidikan khas menyebabkan kurang keberkesanan program inklusif yang dijalankan (Noor Aini Ahmad, 2014). Pihak pengurusan juga tahu akan kesan daripada kekurangan pengetahuan guru akan menyebabkan guru tidak dapat menyediakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan pada masa yang sama emosi guru akan turut terganggu. Kajian oleh Esther & John (2014) dan Siti, Norasmahani & Johari (2019) turut melaporkan tentang rentetan dari kekurangan pengetahuan

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### Tema 1: Pengetahuan dan Kelayakan Guru

Berdasarkan skrip yang dikemukakan, pihak pengurusan menyatakan bahawa aspek pengetahuan serta kelayakan guru menjadi salah satu cabaran utama yang perlu dihadapi dalam memastikan keberkesaan program pendidikan inklusif yang dijalankan. Namun, pihak pengurusan tidak menitikberatkan ikhtisas guru semasa temu duga pengambilan pekerja. Berikut adalah contoh skrip yang telah direkod:

*“....tiada kelulusan yang sepatutnya tetapi mereka mempunyai rakan-rakan yang mempunyai latar belakang pendidikan khas dan juga mereka selalu berbincang sesama mereka dan juga bersama pihak pengurusan berkenaan pelajar yang perlukan perhatian lebih.”*  
*“....masalah yang paling banyak perlu dihadapi*

guru serta kemahiran guru yang rendah, akhirnya akan menyebabkan gangguan emosi guru dan tekanan perasaan serta guru tidak berpuas hati dengan prestasi kerja sendiri.

Selain itu, pihak pengurusan berpendapat bahawa guru yang mempunyai ikhtisas penting dalam melaksanakan program pendidikan inklusif dengan berkesan, selari dengan

kajian yang dibuat oleh Rasaq & Jelena (2022), namun, polisi lantikan guru yang diamalkan tidak mementingkan ikhtisas guru. Ini kerana pihak pengurusan sukar untuk mengambil guru yang mempunyai latar belakang Pendidikan Khas. Oleh itu, pihak pengurusan fokus kepada latihan yang dapat memberi pengetahuan tambahan kepada guru sedia ada bagi menjalankan program pendidikan inklusif di tadika mereka. Walaupun, latihan diberi secara berterusan, namun, masalah pengetahuan guru tetap tidak dapat ditangani oleh pihak pengurusan. Ini kerana latihan yang diberi tidak mencukupi dan tidak merangkumi semua aspek yang perlu diketahui. Rasaq & Jelena (2022) turut melaporkan tentang latihan yang diberi oleh pihak pengurusan tidak mencukupi serta kesan daripada perkara tersebut. Pengkaji melihat faktor tidak mementingkan ikhtisas guru menjadi antara faktor yang menyebabkan pelaksanaan program inklusif tidak berjaya.

### Tema 2: Kewangan dan Prasarana

Kewangan merupakan antara aspek utama yang menjadi cabaran kepada pihak pengurusan tadika swasta. Ini kerana, mereka kurang mendapat peruntukan dari kerajaan dalam pengoperasian tadika mereka. Selain itu, mereka turut mengalami masalah apabila terdapat segelintir ibu bapa yang tidak mampu untuk membayai yuran pelajaran anak mereka. Berikut adalah skrip yang telah direkod:

*“.....kami mempunyai beberapa orang pelajar yang tidak berkemampuan untuk membayar yuran namun, pihak kami tidak sanggup membuang kanak-kanak tersebut disebabkan oleh kemauan ingin belajar yang ditunjukkan oleh kanak-kanak tersebut”*

*“.....kewangan kami agak stabil tetapi masih mempunyai kekurangan dari segi prasarana serta kelengkapan bagi menampung keperluan MBPK di tadika”*

*“.....we does have some problem in maintaining stable finance but it could be overcome”*

*“.....dari segi kewangan tiada masalah, tetapi prasarana yang disediakan tidak terlalu lengkap bagi menampung keperluan MBPK”*

Dapat dilihat, faktor kewangan mempengaruhi prasarana yang disediakan oleh pihak pengurusan. Dan keempat-empat peserta menyatakan bahawa prasarana yang sedia ada di tadika mereka tidak lengkap dan tidak dapat memenuhi keperluan MBPK di tadika tersebut.

Isu kewangan menyebabkan prasarana yang sepatutnya

dinikmati oleh MBPK tidak dapat disediakan oleh pihak pengurusan. Antara faktor yang menyumbang kepada masalah kewangan adalah kemampuan MBPK untuk membayar yuran bulanan, turut disokong oleh Chibwe & Mulenga (2021). Selain itu, kos penyediaan prasarana yang tinggi menyebabkan pihak pengurusan terpaksa menangguh penyediaan beberapa prasarana yang perlu. Ini seterusnya menyebabkan sesi pembelajaran dan pengajaran tidak dapat dijalankan dengan lancar. Rasaq & Jelena (2022) turut melaporkan berkenaan kesukaran dari segi kewangan yang perlu dihadapi oleh pihak pengurusan, malah Dian (2017) melaporkan peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan turut tidak dapat menampung perbelanjaan penyediaan prasarana yang bersesuaian. Faktor kewangan antara perkara yang perlu dipandang serius bagi memastikan keperluan MBPK dipenuhi serta memastikan mereka dapat belajar dalam persekitaran yang kondusif. Seperti yang dilaporkan oleh Shera Jouflin & Mohd Hanafi Mohd Yasin (2022) serta Nur Rohazirah Roslan & Mohd Mokhtar Tahar (2022), persekitaran dan penyediaan prasarana memainkan peranan penting dalam memastikan proses pembelajaran berjalan lancar kerana ianya mempengaruhi kesihatan fizikal, emosi dan motivasi guru serta murid.

### Tema 3: Kolaborasi dengan Ibu Bapa

Seterusnya, kolaborasi dengan ibu bapa menjadi salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak pengurusan. Menurut peserta kajian, kolaborasi dengan ibu bapa adakalanya mudah dan adakalanya sukar. Ianya lebih sukar pada awal pelaksanaan program dan pihak pengurusan perlu memberi penjelasan demi penjelasan bagi memastikan ibu bapa MBPK serta kanak-kanak tipikal benar-benar memahami konsep pendidikan inklusif yang diterapkan di tadika mereka.

*“.....bukan senang nak terangkan kepada ibu bapa berkenaan program yang kami jalankan serta menyakinkan ibu bapa bahawa program tersebut dapat memberi manfaat kepada anak-anak mereka.”*

*“....penerimaan ibu bapa pelbagai. Ada yang boleh terima tetapi ramai juga yang mempersoalkan semula konsep pendidikan inklusif yang kami terapkan.”*

*“.....kebanyakannya ibu bapa tidak mahu mengambil berat tentang pembelajaran anak diorang sebab bagi ibu bapa, tanggungjawab mengajar anak hanya tanggungjawab sekolah dan ibu bapa tak perlu terlibat.” “.....at first, quite difficult to get collaboration with the parents and make them understand the concept of inclusion but after some time, some of them managed to understand and willing to participate in the activity”*

Pihak pengurusan berpendapat sukar untuk mendapatkan kolaborasi dengan ibu bapa terutamanya pada peringkat

awal program dijalankan. Ibu bapa menolak pelaksanaan program pendidikan inklusif yang dijalankan di tadika disokong oleh kajian yang dibuat oleh Rasaq & Jelena (2022). Pengetahuan serta pendedahan yang dimiliki ibu bapa menjadi faktor penyebab penolakan program tersebut. Rasaq & Jelena (2022) turut melaporkan penolakan ibu bapa akibat daripada pengetahuan ibu bapa yang cetek. Selain itu, pihak pengurusan juga mengalami masalah dalam mendapatkan kerjasama dari pihak ibu bapa bagi membantu meneruskan intervensi di rumah. Kajian Nurul & Khairul (2022) dilihat menyokong hasil kajian ini, ibu bapa tidak memberi sokongan, bantuan serta sering lepas tangan. Namun, menurut pihak pengurusan, setelah diberi penerangan dan pendedahan untuk beberapa ketika, masalah tersebut dapat diatasi tetapi tidak secara keseluruhan.

## KESIMPULAN

Hasil dari kajian yang telah dijalankan dapat dilihat pihak pengurusan berminat terhadap pendidikan program inklusif namun, menghadapi beberapa cabaran yang menyebabkan kurang keberkesanan program tersebut. Antara cabaran utama yang perlu dihadapi adalah tahap pengetahuan guru serta kesukaran mengambil guru yang mempunyai ikhtisas dalam bidang pendidikan khas. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib bagi memastikan graduan pendidikan khas mencukupi bagi menampung keperluan masyarakat pada masa kini. Selain itu, faktor kekurangan dana menyebakan pihak pengurusan tidak dapat menyediakan prasarana yang mencukupi sekaligus menyebabkan program pendidikan inklusif tidak dapat berjalan dengan lancar. Justeru itu, pihak pengurusan perlu memikirkan cara bagi memastikan dana serta status kewangan tadika dalam keadaan yang stabil serta memastikan prasarana yang disediakan memenuhi keperluan MBPK. Bagi memastikan ibu bapa memberi kerjasama yang baik, pihak pengurusan perlu memberi pendedahan terlebih dahulu sebelum program pendidikan inklusif dijalankan. Akhir sekali, pihak pengurusan perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan program pendidikan inklusif dan bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan program tersebut.

## RUJUKAN

Anizah Mohamed, Norlidah Alias & Saedah Siraj. 2019. Analisis keperluan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 7(4).

- Agung Nugroho & Lia Mareza. 2016. Model dan strategi pembelajaran anak berkebutuhan khusus dalam setting pendidikan inklusif. *Jurnal Pendidikan Dasar Perkhasa* 2(2):145- 156.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. 2018. Garis Panduan Pengurusan Prasekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. 2013. Garis panduan program pendidikan inklusif MBK. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. 2020. Data pendidikan khas 2020. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dian Fajarwati. 2017. Implementation of School Management Inclusive Education Institutions. *Advances in Economics, Business and Management Research* 45.
- Efy Esabelle Yustimin, Elvyanna Emmy Fiona Hutasoit & Farah Adibah Mazlan. 2022. Strategi pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar Autisme dalam kelas inklusif di sekolah menengah. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities* 2(1):28-45.
- Esther M & John Aluko. 2014. Challenges facing implementation of inclusive education in public primary schools in Nyeri Town, Nyeri County, Kenya. *Journal of Education and Practice* 5(16).
- Fathmath Nishan, Koay Teng Leong, Rohani Matzin & Rozmnawijah Jawawi. 2017. Primary teachers' challenges in implementing inclusive education in schools of Maldives. *Proceedings of the International Conference on Special Education* 2: 67-75.
- Faridah Mahadi, Mohd Razimi Husin & Nurulhuda Md Hassan. 2022. Gaya Pembelajaran:Visual, Auditoria atau Kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences* 4(1).
- Fred Chibwe & Rosemary Muma Mulenga. 2021. Challenges faced by administrators in the implementation of inclusive education in selected primary schools in Kitwe District. *International Journal of Research and Innovation in Social Science* V(VI).
- Hasifah Hassan & Muhammad Faizal A. Ghani. 2022. Pengaruh komitmen guru dan penyeliaan guru besar terhadap pengurusan bilik darjah di sekolah rendah daerah Tenom, Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 9 (1).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian Pendidikan Swasta 2021. Garis Panduan Penubuhan, Pendaftaran dan Pengoperasian tadika swasta Kementerian Pendidikan Malaysia.
- <https://www.moe.gov.my/tadika-muat-turun/bahagian-pendidikan-swasta/tadika/garis-panduan-3/4598-gp-tadika-swasta/file> (15 Oktober 2023)
- Lee Kah Chian & Suziyani Mohamed. 2021. Tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan pendidikan

- inklusif di kelas prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2):253-260.
- Madinah Mohd Yusof., Mahidin Awang Itam. 2020. Pelaksanaan Program Inklusif mengikut perspektif pihak pentadbir.
- Mel Ainscow. 1994. Special Needs in the Classroom: A teacher education Guide Jessica Kingsley/Paris: UNESCO London.
- Merriam. S. B. 1998. Qualitative research and case study applications in Education. *Open Journal of Business and Management* 3(1).
- Michal Ilan, Gal Meiri, Liora Manelis-Baram, Michal Faroy, Analya Michaelovski, Hagit Flusser, Hagar Binoun-haki, Ronit Segev-Cojocaru, Orly Dotan, Hen Schtaierman, Idan Menashe & Ilan Dinstein. 2020. Young autism spectrum disorder children in special and mainstream education settings have similar behavioral characteristics. *INSAR*. 000:1-10.
- Mohd Hanafi Mohd Yasin, Hasnah Toran & Nor Azizah Abd Majid. 2015. Penerimaan ibubapa terhadap program pendidikan inklusif.
- Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj. 2016. Analisis keperluan Pembangunan model pengajaran m-pembelajaran mata pelajaran sejarah sekolah menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 4(4).
- Mohd Razimi Husin, Muhammad Farhan Suhaimi, Suhailah Md Hamil, Nurul Natasha Azmi, Nurul Umaira Juliana Roslid, Nur Nabilah Zainal, Nor Balqis Kamaruddin, Nur Izzsufi Hamizi & Nurul Zulaikah Ismawi. 2020. Masalah pembelajaran untuk pelajar pendidikan khas: Dana dan prasarana. *International Journal of Humanities, Management and Social Sciences* 3(1).
- Mohd Razimi Husin, Abd Aziz Shukor & Ahmad Jazimin Jusoh. 2011. Gaya pembelajaran dan persekitaran yang mempengaruhi murid sukar belajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan j-QAF: Satu kajian rintis. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Nawwar Abdul Mumeen & Khairul Farhah Khairuddin. 2022. Kepentingan sistem sokongan rakan sebaya terhadap aspek sosial murid berkeperluan pendidikan khas pembelajaran dalam kelas inklusif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(6).
- Norliah Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin. 2016. Pelaksanaan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas dalam pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 – 2015. *International Conference on Special Education in Southeast Asia Region* 6<sup>th</sup> Series 2016.
- Noor Aini Ahmad. 2014. Pengurusan Program Pendidikan Inklusif bagi murid bermasalah pembelajaran: kajian secara naratif inkuiri. *Management Research Journal* 3:38-52.
- Nur Imani Ahmad Puaad., Faridah Yunus & Rosadah Abd Majid. 2018. Pembentukan program tadika yang meraikan kepelbagaian dan inklusif di Malaysia. International Conference on Special Education in Southeast Asia Region. 8<sup>th</sup> Series 2018.
- Nurul Ain Badrul Hisam & Khairul Farhah Khairuddin. 2022. Pendidikan inklusif murid berkeperluan khas kategori autisme di sekolah rendah: perspektif ibu bapa. *Journal of Social Sciences and Humanitites* 7(2).
- Nurul Izzah Yusof & Hazhari Ismail. 2020. Kekangan guru tadika untuk menerima kanak-kanak berkeperluan khas. *Southeast Asia Early Childhood Journal* 9(2) : 120-131.
- Paton. M. Q. 1990. Qualitative evaluation and research methods (2<sup>nd</sup> ed).
- Putu Sri Darma Dewi, Putu Rahayu Ujianti & Mutiara Magta. 2020. Penerapan pendidikan inklusif pada pembelajaran taman kanak-kanak (Studi kasus pada TK Rare Bali Shool). *Jurnal Pendidikan* 8(2).
- Rasaq Sijuola & Jelena Davidova. 2022. Challenges of implementing inclusive education: evidence from selected developing countries. *Rural Environment Education Personality* 15.
- Saiful Azam Khoo Abdullah. 2020. Program pendidikan inklusif bagi murid-murid berkeperluan khas di Malaysia. *Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM*.
- Shui-fong Lam, Nancy Tsang, Yuen-Ching Keung, Ying Tong, Flora Mok, Amy Chiu, Yvonne Lai, Lily Yuen & Desmond Soh. 2021. A comprehensive service delivery model for preschoolers with special educational needs: Its characteristics and effectiveness. *Research in Development Disabilities* 85: 20-30.
- Siti Rohani Abdul Samat, Norasmahani Md Basri & Johari Talib. 2019. Kajian kualitatif kesediaan guru tadika swasta dalam cabaran membimbing pelajar dyslexia: satu kajian kes di Kuala Selangor. *Proceedings of the International Conference on Special Education* 3:99-104.
- UNESCO. 1994. The Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education.
- Wilma A. Mc. Clean. 2007. An investigation into the need for effective leadership mechanisms in the management of a successful inclusive programme in the primary school system.
- Fazilat Nurul Sawal Hamid  
Fakulti Pendidikan UKM  
[p110312@iswa.ukm.edu.my](mailto:p110312@iswa.ukm.edu.my)
- Hasnah Toran, PhD.  
Pusat Kajian Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti  
Fakulti Pendidikan  
UKM
- Corresponding Author: Hasnah Toran